



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	1/10/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

70 peluru dalam badan gajah pygmy

Polis bantu JHL cari suspek pembunuhan kejam

Kota Kinabalu: Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah menyifatkan kematian gajah pygmy di Sungai Udin, Dumpas, Kalabakan, Tawau, Khamis lalu, sebagai pembunuhan kejam apabila bedah siasat menemui kira-kira 70 peluru dalam badan haiwan itu.

Pengarah JHL Sabah, Augustine Tuuga, berkata banyak peluru ditemui dalam badan gajah betina itu, sekali gus memberi bayangan keadaan gajah itu bertarung menahan kesakitan akibat terkena tembakan senjata api.

“Banyak peluru ada di badan gajah itu dan kita boleh bayangkan keadaan gajah waktu kena tembak, ...dalam keadaan

kesakitan, tetapi mungkin tidak mati dan mungkin sebab itu banyak tembakan dibuat (pemburu haram),” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Bagaimanapun, Augustine tidak mahu mengulas lanjut perkara itu kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan yang masih dijalankan bagi mengenal pasti punca kematian gajah, sekali gus mengumpul bukti kukuh untuk membolehkan pihak tidak bertanggungjawab melakukan perbuatan itu dihadapkan ke mahkamah.

“Kami berharap akan dapat menangkap orang yang membunuh gajah itu dan menyerahkan kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman tegas,” katanya sambil menambah siasatan kes itu tidak mempunyai tempoh masa, namun ia perlu dibuat dalam masa satu bulan mengikut prosedur operasi standard (SOP) jabatan.

Augustine berkata, jabatannya akan terus be-

rusaha mendekati dan bekerjasama dengan masyarakat setempat bagi memastikan perkara sama tidak berulang selain meminta mereka membantu mencegah aktiviti pemburuan haram serta menjadi saksi sekiranya mengetahui atau melihat ada pihak melakukan aktiviti itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisyoner Peter Umbuas, berkata polis akan membantu JHL mengesan suspek yang membunuh gajah berkenaan menerusi Operasi Khazanah.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan membiarkan JHL bersendirian dan tanpa perlindungan polis, untuk membanteras perkara itu kerana suspek sah memiliki senjata api dan pihak JHL juga sudah membuat laporan polis.

“Esok (hari ini) juga akan diadakan perjumpaan bersama wakil JHL bagi membincangkan cara mengesan suspek,” katanya kepada pemberita di Ibu pejabat Polis Daerah Tawau di sini, semalam.

BERNAMA

